



KERATAN AKHBAR

SURAT KHABAR	:	HARIAN METRO (IT)			
TARIKH	:	30/8/2018	MUKA SURAT	:	6
JABATAN	:	PERHILITAN			
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN			

MAXIS SOKONG PEMULIHARAAN HIDUPAN LIAR



ORANG Utan di Zoo Negara.

Bagi ramai rakyat Malaysia, hidupan liar seperti orang utan, tapir dan harimau menjadi sebahagian cerita rakyat tempatan namun sejak kebelakangan ini, haiwan ini semakin berkurangan.

Sempena bulan kemerdekaan ini, Maxis bekerjasama dengan Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) menyokong pemuliharaan haiwan terancam di Malaysia melalui projek 'Endangered Malaysians'.

Sebagai sebahagian daripada inisiatif ini, Maxis bekerjasama dengan Huawei dan jurugambar terkemuka Malaysia untuk mengabadikan dan meraikan haiwan ini melalui kuasa teknologi dan fotografi.

Foto terbabit akan dikongsi di laman web dan laman Facebook Maxis sebagai sebahagian daripada ikrar #KamiRakyatMalaysia untuk menggalakkan lebih ramai rakyat Malaysia memainkan peranan dalam melindungi haiwan terancam ini.